

08/08/1998

Penganalisis bidas agensi penarafan antarabangsa

RAMAI penganalisis dan pakar ekonomi membidas agensi penarafan antarabangsa di atas penarafan buruk terhadap Malaysia, dengan menyatakan mereka gagal menimbangkan potensi ekonomi negara ditambah dengan langkah positif yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan keadaan kegawatan ekonomi negara.

Mereka menyatakan tidak ada kemerosotan serius dalam keupayaan membayar hutang sama ada Malaysia ataupun kerajaan dan pengurusan kukuh ekonomi sebelum ini menempatkan Malaysia di kedudukan terbaik untuk berdepan dengan kegawatan berbanding ekonomi serantau lain.

"Ia adalah urusan masa sebelum semua langkah itu termasuk yang di bawah Rancangan Pemulihan Ekonomi Nasional (RPEN) mula membuahkan hasil dan pelabur terutama yang canggih, akan kembali dengan segera," kata Penasihat Korporat Kumpulan Syarikat SungeiWay dan bekas pegawai bank Tan Sri Ramon Navaratnam di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas mengenai agensi penarafan Thomson Bankwatch yang menurunkan penarafan risiko kedaulatan Malaysia kepada BBB daripada A- kelmarin dan penurunan penarafan terhadap negara ini oleh Moody's dan Standard and Poor's pada minggu lalu dan sebagai menyatakan ketidaktepatan mereka, Navaratnam berkata penarafan oleh agensi berkenaan menunjukkan percanggahan semula jadi mereka dalam analisis itu.

"Saya merasakan penurunan penarafan itu keterlaluan, agensi terbabit menurunkan taraf kita serentak," kata Prof Madya dari Universiti Sains Malaysia, Dr Subramaniam Pillay.

Beliau berkata, penurunan taraf ke atas Malaysia mungkin secocok jika ia hanya satu mata, tetapi jika lebih daripada satu mata " ia tidak adil."

Pengarah Eksekutif Arab-Malaysian Securities Sdn Bhd, Mustafa Mohamad Nor berpendapat agensi penarafan antarabangsa mestilah memberikan tempoh pemerhatian lebih panjang dan tidak semata-mata hanya menilai kepada "kenyataan ekonomi yang sudah terkenal."

"Mereka tidak sepatutnya menilai kepada keadaan semasa tetapi juga mengambil berat terhadap usaha yang diambil oleh negara yang terjejas oleh pergolakan itu. Langkah itu tidak akan menghasilkan keputusan segera tetapi dalam tempoh kira-kira enam hingga 12 bulan," tambahnya.

Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia, Dr R Thillainathan, berkata ketika ini agensi antarabangsa sama ada terlalu berhati-hati atau menjadi terlalu bergantung kepada arah setiap pergerakan dalam pasaran.

"Tiada kemerosotan serius dalam keupayaan membayar hutang sama ada kerajaan atau Malaysia," katanya kepada kira-kira 50 pakar ekonomi pada Isnin lalu.

Perkara ini malahan selepas mengambil kira peningkatan keperluan pinjaman luar negara, katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik agensi penarafan kredit antarabangsa kerana merosakkan ekonomi Malaysia dengan menurunkan penarafan kedudukan kredit negara ini.

(END)